

KONSEP DAN CIRI LIMINALITI DALAM PELANCONGAN DI DESTINASI PANTAI: SATU PENELITIAN KONSEPTUAL

CONCEPT AND CHARACTERISTICS OF LIMINALITY IN TOURISM AT COASTAL DESTINATION: A CONCEPTUAL STUDY

Farzanna Yashera Abdulla¹
Jabil Mapjabil²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)
(E-mel: farzannayashera@gmail.com)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

Article history

Received date : 1-9-2021
Revised date : 2-9-2021
Accepted date : 11-10-2021
Published date : 28-10-2021

To cite this document:

Farzanna Yashera Abdulla & Jabil Mapjabil (2021).
Konsep dan ciri liminaliti dalam pelancongan di
destinasi pantai: Satu penelitian konseptual.
*International Journal of Accounting, Finance and
Business (IJAFB)*, 6 (36), 10 - 18.

Abstrak: Artikel ini meneliti tentang konsep dan ciri liminaliti dalam pelancongan di destinasi pantai. Hal ini kerana destinasi pantai merupakan lokasi yang sering menarik perhatian pelancong disebabkan oleh tarikan dan keunikannya. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan konseptual dengan melaksanakan pemerhatian dan analisis maklumat semasa dari data sekunder yang berkait rapat dengan topik kajian. Secara umumnya, konsep liminaliti dalam pelancongan ini merujuk kepada peralihan pelancong ketika meninggalkan keselesaan yang diperolehi di rumah bagi melintasi masa dan ruang serta beberapa 'ambang batas' dengan pelbagai perkara yang tidak diketahui serta meliputi pengalaman pelancong dalam lima fasa. Liminaliti turut wujud dalam pelancongan di destinasi pantai kerana ruangan pantai itu sendiri dianggap sebagai satu ruang perantaraan di antara daratan dan lautan. Tambahan pula, destinasi pantai ini mampu memberikan pengalaman liminal yang bermakna kepada pelancong kerana mereka dapat melakukan sesuatu yang luar dari kebiasaan serta melarikan diri daripada realiti yang wujud di tempat asal mereka yang penuh dengan kekangan dan tanggungjawab. Oleh itu, liminaliti dalam pelancongan di destinasi pantai boleh diteliti dalam beberapa ciri tertentu, iaitu ciri fizikal, ciri sosial serta ciri mental dan emosi yang dapat membantu dalam menggambarkan pengalaman liminal pelancong dengan lebih mendalam.

Kata Kunci: Liminaliti, Pelancongan, Destinasi Pantai, Pengalaman Pelancong

Abstract: *This article examines the concept and characteristics of liminality in tourism at coastal destinations. Coastal destination is a location that often attract tourists due to the attractions and uniqueness. The research method used in this study is conceptual research method by performing observation and analysis of current information from secondary data that is closely related to the topic of study. In general, the concept of liminality in tourism refers to the transition of tourists when leaving the comforts gained at home to cross time and space with some 'thresholds' with various unknowns as well as covering the tourist experience in five phases. Liminality also exists in tourism at coastal destination because the coastal space itself is considered as an intermediate space between land and ocean. Furthermore, coastal destination can provide a meaningful liminal experience to tourists as tourists are able to do something out of their ordinary as well as escape from the reality that exists in their place of origin which is full of constraints and responsibilities. Therefore, liminality in tourism at coastal destination can be seen through some specific features that can be divided into several parts namely physical features, social features and mental and emotional features that will help in describing the liminal experience of tourists more deeply.*

Keywords: *Liminality, Tourism, Coastal Destination, Tourists Experience*

Pengenalan

Konsep liminaliti dipelopori oleh seorang sarjana dalam bidang etnologi, iaitu Arnold Van Gennep (1909) dalam karya beliau yang bertajuk *Rites of Passage*. Dalam hal ini, beliau menjelaskan mengenai kepentingan dan peranan liminaliti dalam fasa peralihan. Fasa peralihan ini penting sebagai salah satu atribut bagi menjelaskan sebarang perubahan yang berlaku dalam suatu tempat, negara, status sosial, usia dan sebagainya (Wels et al., 2011). Van Gennep menggunakan upacara (*ritual*) bagi menandakan peralihan dalam kehidupan sosial seseorang individu yang meliputi setiap proses kehidupan termasuklah akil baligh, perkahwinan dan kematian. Pada awalnya, konsep liminaliti ini diperkenalkan untuk menerangkan fasa peralihan yang wujud dalam masyarakat yang menunjukkan peralihan dari satu keadaan ke keadaan yang lain. Selain itu, liminaliti ini boleh dilihat berdasarkan tiga aspek, iaitu (i) keinginan untuk menentang alam di mana individu ingin melepaskan diri daripada rutin harian untuk transit ke zon berbeza yang luar dari kebiasaan, (ii) ketahanan badan yang membolehkan individu berimajinasi dan menggunakan identiti baharu yang tidak seperti kehidupan harian mereka dan (iii) peralihan di mana berlaku peralihan dari tempat asal ke kawasan yang luar dari kebiasaan individu.

Sehubungan dengan itu, konsep liminaliti ini popular apabila karya asal Van Gennep diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris pada tahun 1960-an yang menarik minat sarjana dan ilmuwan bagi menerap dan mengintegrasikan konsep ini dalam pelbagai bidang lain. Kajian mengenai liminaliti ini semakin berkembang dari semasa ke semasa. Hal ini boleh dilihat berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Turner (1967) terhadap masyarakat Ndembu. Turner menggambarkan liminaliti sebagai suatu keadaan *between-and-between* dalam fasa peralihan serta berkait rapat dengan manusia, iaitu dari segi sosial, politik dan ekonomi. Penerangan Turner mengenai hubung kait upacara dan liminaliti ini dikembangkan lagi dalam karyanya yang bertajuk *The Forest Symbols*. Turner berpendapat bahawa proses liminaliti ini akan melibatkan urutan episod yang kompleks dalam satu ruang dan masa yang tertentu bagi membolehkan keadaan *between-and-between* difahami dengan lebih mendalam.

Liminaliti penting untuk menerangkan keadaan yang berlaku dalam satu ruang dan masa yang tertentu. Tambahan pula, konsep yang khusus diperlukan bagi menerangkan peralihan individu dari keadaan biasa ke keadaan yang luar dari kebiasaan. Perkembangan konsep liminaliti ini membolehkan konsep ini diguna pakai dalam pelbagai bidang lain seperti geografi, pelancongan dan sebagainya bagi menerangkan keadaan sementara, landskap dan pengalaman yang diperolehi. Perkembangan konsep liminaliti yang sejajar dengan waktu menyebabkan konsep ini sering diguna pakai dalam bidang pelancongan bagi menerangkan pengalaman liminal pelancong yang meliputi jangkaan dan realiti sebenar yang dialami mereka di pelbagai destinasi pelancongan seperti pantai, gunung, warisan dan sebagainya (Thomassen, 2009).

Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah penyelidikan konseptual. Kaedah ini dijalankan dengan meneliti dan menganalisis maklumat semasa dari data sekunder dan sumber literatur yang berkaitan dengan topik kajian. Data sekunder ini melibatkan penggunaan data sedia ada. Data yang diperolehi ini akan diringkaskan bagi meningkatkan keberkesanan penyelidikan secara menyeluruh. Data akan dikumpulkan dari pelbagai sumber sekunder yang boleh diakses seperti internet, perpustakaan, arkib dan sebagainya. Kaedah penyelidikan ini efisien kerana mudah, menjimatkan kos serta menjimatkan masa.


Hasil Kajian Literatur dan Perbincangan

Konsep Liminaliti dalam Pelancongan

Secara umumnya, liminaliti merupakan suatu fenomena yang merujuk kepada fasa peralihan dalam masyarakat yang menandakan peralihan mereka dari satu keadaan ke keadaan yang lain (Thomassen, 2012; Bristow & Jenkins, 2020). Liminaliti juga adalah konsep yang digambarkan sebagai satu fasa refleksi di mana individu akan melewati tiga fasa, iaitu fasa pemisahan dari keadaan sebenar seseorang individu, fasa peminggiran terhadap kehidupan asal individu ketika berada dalam keadaan liminal serta penggabungan semula ke kehidupan asal (Teoderescu & Calin, 2015). Perkembangan idea liminaliti ini membolehkan konsep ini dapat ditafsir dan diaplikasikan dalam pelbagai cara dan bidang termasuklah pelancongan. Hal ini kerana pada awalnya liminaliti tidak pernah menjadi fokus utama dalam bidang pelancongan. Namun, kewujudan sorotan literatur awal yang menyentuh aspek liminaliti dalam pelancongan menyebabkan konsep ini semakin berkembang dan menjadi penting dalam kajian pelancongan.

Konsep liminaliti dalam pelancongan merujuk kepada peralihan pelancong ketika meninggalkan keselesaan yang diperolehi di rumah untuk melintasi masa dan ruang serta beberapa 'ambang batas' dengan pelbagai perkara yang tidak diketahui. Selain itu, liminaliti dalam pelancongan turut merujuk kepada fasa pemisahan liminal di mana pengalaman percutian ini membolehkan individu memperbaharui dan memperbaiki diri mereka sebelum digabung semula ketika ke kawasan penjana (di lokasi asal) yang penuh dengan kekangan dan tanggungjawab sosial (Andrews & Roberts, 2015). Liminaliti dalam pelancongan boleh diteliti melalui beberapa aspek utama seperti hierarki dan struktur sosial individu tidak diambil kira, perbezaan sosial yang tidak dihiraukan, ketiadaan kekangan masyarakat, tekanan sosial yang kurang, bebas menyatakan diri sendiri serta wujud hubungan sosial antara pelancong tanpa menghiraukan jantina, status sosial, agama, bangsa dan sebagainya (Wang, 1999).

Kepentingan aspek liminaliti dalam bidang pelancongan yang dapat menerangkan peralihan pelancong dari tempat asal (kawasan penjanaan) ke destinasi pelancongan (kawasan penerimaan) ini telah menyebabkan berlakunya perkembangan tema liminaliti yang semakin luas. Hal ini kerana konsep liminaliti pada awalnya hanya digunakan bagi menerangkan ruang liminal pelancongan yang gelap sahaja yang kebiasaannya merujuk kepada pelancongan hiburan yang menakutkan, lokasi pelancongan yang pernah menjadi lokasi pembunuhan beramai-ramai dan sebagainya yang menimbulkan pelbagai tujuan untuk dikunjungi seperti tujuan pendidikan, lawatan dan hiburan. Namun, perkembangan tema yang berlaku selaras dengan masa membolehkan tema liminaliti dibahagikan kepada beberapa kategori seperti liminaliti dalam pelancongan pengembaraan, pelancongan alam semula jadi, pelancongan kapal persiaran, pelancongan ruangan gelap, pelancongan pesta, pelancongan warisan, pelancongan di destinasi pantai dan sebagainya (Bristow & Jenkins, 2020). Sehubungan dengan itu, perkembangan tema liminaliti ini membolehkan pengalaman pelancong dilihat dari semua aspek ruang dan masa. Tambahan pula, Mallench (2017) menegaskan bahawa liminaliti boleh dialami dalam pelbagai ruangan pelancongan dengan landskap yang pelbagai. Di samping itu, pengalaman liminal dilihat melalui lima fasa yang berbeza seperti berikut;



Rajah 1: Lima Fasa Pengalaman Liminal Pelancong
 Sumber: Diubah suai daripada Harmon & Dunlap (2017).

Konsep Liminaliti dalam Pelancongan di Destinasi Pantai

Secara umumnya, destinasi pantai merupakan kawasan pantai yang meliputi kawasan bersempadan lima kilometer ke arah darat (*back shore*) dan 16.1 kilometer nautika ke arah laut dari paras purata air pasang perbani (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2002). Destinasi pantai ini terletak di zon intertidal dan kawasan di atas paras air pasang yang terdiri daripada bahan pantai seperti pasir, lumpur, bukit pasir, tanah ragut dan sebagainya. Oleh itu, destinasi pantai sebagai tarikan dan produk pelancongan wujud disebabkan oleh pertemuan darat dan laut hingga mewujudkan persekitaran yang berbeza dari segi biologi dan geologi serta pemandangan yang unik mampu menjadi asas terhadap ciri tarikan pelancongan (Dodds & Holmes, 2019; Zadel, 2016). Tambahan pula, pantai mewakili sumber alam semula jadi, sosial dan rekreasi. Destinasi pelancongan turut mengalami perkembangan yang pesat dari segi infrastruktur bagi menarik minat lebih ramai pelancong berkunjung ke kawasan berkenaan. Destinasi pantai merupakan satu ruang liminal yang mempunyai beberapa bentuk batasan yang mampu untuk menarik minat pelancong disebabkan hal ini adalah suatu perkara yang luar dari kebiasaan mereka. Tambahan pula, kawasan pantai dikenali sebagai destinasi pelancongan “matahari dan pantai” yang mewujudkan imej destinasi pelancongan di ruangan pantai (Garcia et al., 2004). Oleh itu, terdapat beberapa komponen imej destinasi pantai sebagai tarikan pelancongan yang liminal iaitu tarikan semula jadi, fasiliti, infrastruktur, suasana sosial, aktiviti rekreasi terbuka, aksesibiliti, keselamatan dan reputasi serta tarikan sejarah dan budaya yang mampu memberi kesan kepada pengalaman liminal pelancong yang meliputi jangkaan serta realiti sebenar yang dialami oleh pelancong.

Liminaliti dalam pelancongan mempunyai kaitan rapat dengan destinasi pantai yang sering menjadi tarikan pelancong yang berasal dari pelbagai tempat yang berlainan. Tambahan pula, pantai itu sendiri dianggap sebagai ruang liminal yang merupakan perantaraan di antara lautan dan daratan. Kepelbagaian aktiviti riadah yang wujud di ruangan pantai seperti mandi-manda, bermain papan luncur, aktiviti kapal layar, berjemur, memancing, berjalan-jalan, bersantai di tepi pantai, menikmati persekitaran pantai yang indah serta sunyi dan sebagainya mampu memberikan pengalaman liminal kepada pelancong dengan merasa bebas dari sebarang kekangan dan tanggungjawab sosial serta merehatkan mental dan emosi (Preston-Whyte, 2004; Grenier, 2019). Tambahan pula, gabungan persekitaran alam semula jadi dengan nilai-nilai simbolik secara sosial dan budaya di ruangan pantai mampu meningkat serta menguatkan lagi pengalaman liminal yang dialami oleh pelancong. Hal ini membolehkan pelancong untuk memilih aktiviti yang ingin dijalankan di ruangan pantai mengikut kemahuan dan kesesuaian mereka. Ruangan pantai dikenali sebagai ruang untuk bersosial, spiritual, ruang meluncur dan sebagainya.

Menurut Bushardt (2013), aspek liminaliti memainkan peranan yang penting dalam pelancongan di destinasi pantai. Hal ini kerana destinasi pantai amat popular sebagai salah satu tarikan pelancongan terutamanya ketika musim panas. Orang ramai akan berkunjung ke destinasi pantai bersama ahli keluarga dan rakan-rakan untuk melepaskan diri daripada kehidupan di bandar yang sesak serta penuh dengan tanggungjawab dan kekangan sosial. Ruang liminal di destinasi pantai ini wujud disebabkan oleh pemisahan yang berlaku di mana seseorang individu itu tidak dinilai berdasarkan status sosial, jantina, umur, agama, bangsa dan sebagainya. Oleh itu, individu mampu memperolehi kebebasan yang dapat memperbaiki dan membina identiti dan tingkah laku yang lebih baik serta menstabilkan fizikal, emosi dan mental seseorang individu (Farzanna & Jabil, 2021a).

Sehubungan dengan itu, kepuasan pengalaman liminal pelancong yang diperolehi di destinasi pantai akan ditentukan oleh kualiti servis, nilai dan imej destinasi yang wujud di lokasi tersebut. Tambahan pula, pelancongan di destinasi pantai semakin mendapat perhatian di seluruh dunia dan dikategorikan sebagai pilihan percutian yang lebih baik. Oleh itu, kebersihan pantai, kualiti makanan yang disediakan, keadaan perkhidmatan pelancongan yang bersih dan kemas, kesopanan pekerja, pemandangan semula jadi pantai yang menarik, aktiviti pantai yang dijalankan, iklim dan cuaca di pantai akan mempengaruhi liminaliti yang diperolehi dalam pengalaman melancong tersebut (Kamrul et al., 2020). Hal ini turut akan mempengaruhi memori dan kenangan yang dicipta oleh pelancong ketika berada di kawasan pantai serta salah satu faktor utama bagi pelancong untuk mengadakan kunjungan ulangan. Memori dan kenangan yang memuaskan serta bermakna menyebabkan pelancong tertarik untuk mengesyorkan kepada rakan-rakan dan saudara-mara untuk mengunjungi destinasi pantai tersebut serta memberikan maklum balas yang positif (Farzanna & Jabil, 2021b).

Ciri Liminaliti dalam Pelancongan di Destinasi Pantai

Liminaliti dalam pelancongan di destinasi pantai boleh diteliti melalui beberapa ciri tertentu yang dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu ciri fizikal, sosial serta mental dan emosi yang dapat membantu dalam menggambarkan pengalaman liminal pelancong yang bermakna (Zhang & Xu, 2019; Wu et al., 2020). Ciri ini berguna dalam menerang serta membezakan pengalaman melancong yang biasa serta pengalaman liminal yang diperolehi ketika melancong.

(i) Ciri fizikal

Ciri fizikal boleh dilihat berdasarkan produk dan perkhidmatan pelancongan yang wujud di destinasi pelancongan kawasan pantai yang mampu memberikan pengalaman liminal kepada pelancong. Ciri fizikal yang mewujudkan pengalaman liminal dalam kalangan pelancong dijelaskan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ciri Fizikal bagi Liminaliti dalam Pelancongan di Destinasi Pantai

Ciri	Huraian
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> -Pelancong dapat menjalankan aktiviti yang luar dari kebiasaan (melakukan sesuatu baharu) di destinasi pelancongan yang berbeza dengan rutin harian mereka di tempat asal. -Pelancong bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa terikat dengan sebarang kekangan dan tanggungjawab social. -Pelancong dapat menimba ilmu dan pengalaman baharu melalui aktiviti yang wujud di destinasi pantai seperti <i>scuba diving</i>, <i>snorkelling</i>, berenang, meluncur dan sebagainya.
Pemakaian	<ul style="list-style-type: none"> -Pelancong bebas untuk berpakaian mengikut kemahuan mereka tanpa mengambil kira status sosial serta perspektif orang lain. -Pelancong boleh mengenakan pakaian yang sesuai untuk destinasi pantai seperti baju renang, seluar renang, <i>bikini</i> dan sebagainya.
Alam semula jadi	<ul style="list-style-type: none"> -Pelancong dapat menikmati keindahan alam semula jadi di destinasi pantai yang mampu membantu pelancong melupakan realiti sebenar yang dialami di tempat asal mereka. -Pelancong memperoleh pengalaman pengembaraan (<i>thrill and adventure seeking</i>) yang berlandaskan alam semula jadi serta luar dari kebiasaan pelancong (boleh membantu mengembangkan keperibadian pelancong).

Sumber: Olahan Pengkaji (2021).

(ii) Ciri Sosial

Ciri sosial aspek liminaliti dalam pelancongan di destinasi pantai dapat diteliti menerusi hubungan dan komunikasi yang wujud sesama pelancong serta komuniti di destinasi pelancongan berkenaan. Ciri sosial yang mewujudkan pengalaman liminal dalam kalangan pelancong ditunjukkan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Ciri Sosial bagi Liminaliti dalam Pelancongan di Destinasi Pantai

Ciri	Huraian
Hubungan	<ul style="list-style-type: none"> -Kewujudan tingkah laku yang kasual dalam kalangan pelancong serta komuniti kerana hierarki dan struktur sosial pelancong tidak diambil kira. -Pelancong bebas menjalinkan hubungan dengan pelancong lain tanpa mengambil kira perbezaan sosial yang wujud. -Pelancong bebas menjalinkan hubungan dengan komuniti tanpa mengambil kira status social.

Komunikasi	-Kewujudan komunikasi kasual dalam kalangan pelancong serta komuniti tanpa sebarang kekangan. -Pelancong bebas berkomunikasi dengan pelancong lain dan komuniti tanpa mementingkan status, agama, bangsa dan sebagainya.
Maklumat	-Pelancong bebas untuk bertukar maklumat dengan pelancong lain secara terbuka dan bebas berdasarkan pengalaman mereka tanpa sebarang kekangan. -Pelancong memperolehi maklumat tentang destinasi pelancongan pantai yang dikunjungi daripada masyarakat setempat tanpa mengambil kira perbezaan sosial yang wujud. -Pelancong berpeluang untuk mempelajari perkara baharu daripada pelancong lain dan masyarakat tempatan.

Sumber: Olahan Pengkaji (2021).

(iii) Ciri Mental dan Emosi

Mental dan emosi pelancong merupakan aspek penting bagi liminaliti dalam pelancongan di destinasi pantai bagi memperolehi pengalaman pelancong yang bermakna serta mencapai tahap liminal. Aspek ini penting kepada pelancong kerana dapat membantu pelancong menjadi seorang individu yang lebih baik. Ciri mental dan emosi yang mewujudkan pengalaman liminal dalam kalangan pelancong adalah seperti berikut (Jadual 3):

Jadual 3: Ciri Mental dan Emosi bagi Liminaliti dalam Pelancongan di Destinasi Pantai

Ciri	Huraian
Keperibadian diri	-Pelancong dapat menemukan diri sebenar serta ketulenen diri sendiri. -Pelancong dapat meningkatkan keyakinan diri mereka sebagai seorang pelancong. -Pelancong dapat mengembangkan keperibadian diri mereka.
Kesihatan Mental	-Pelancong mampu memperolehi ketenangan serta merasa bebas dari sebarang tekanan yang wujud di tempat asal mereka yang penuh dengan kekangan dan tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan. -Pelancong dan meningkatkan kesihatan mental mereka dengan melarikan diri dari realiti buat sementara waktu.
Rangsangan Emosi	-Pelancong dapat merangsang emosi seperti kegembiraan, keinginan, kasih sayang dan sebagainya yang dapat membantu mereka merasa lebih baik.

Sumber: Olahan Pengkaji (2021).

Kesimpulan

Konsep dan ciri liminaliti dalam pelancongan di destinasi pantai bukanlah suatu aspek yang mudah, sebaliknya meliputi konsep yang luas serta penelitian yang mendalam. Idea liminaliti dalam pelancongan di destinasi pantai ini penting bagi menjelaskan keadaan yang berlaku di ruangan pantai serta ciri-cirinya pada masa yang tertentu serta melalui lima fasa pengalaman pelancong. Cabarannya kini adalah bagaimana untuk menterjemah dan membudayakan konsep liminaliti ini dalam industri pelancongan terutamanya di Malaysia. Dalam konteks lain, kebanyakan kajian pengalaman pelancong di negara ini dilakukan semasa pelancong berada di

destinasi pelancongan iaitu dalam satu fasa sahaja. Justeru, sudah tiba masanya suatu anjakan paradigma dalam kajian pelancongan mengambil kira lima fasa pelancongan yang dilalui agar usaha menyeluruh terhadap perancangan dan pembangunan di destinasi pelancongan di kawasan pantai itu lebih holistik, bermakna dan melengkap.

Rujukan

- Andrews, H. & Roberts, L. (2015). Liminality. *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences*, 2(14), 131-137.
- Bristow, R.S. & Jenkins, I.S. (2020). Spatial and temporal tourism considerations in liminal landscapes. *Tourism Geographies*, 1-10.
- Bushardt, O.J. (2013). Sandcastles in the Sand: Liminality at the Seashore in Carolyn Well's Marjorie at Seacote. (Tesis Sarjana) University of Southern Mississippi.
- Dodds, R. & Holmes, M.R. (2019). Beach tourists: what factors satisfy them and drive them to return. *Ocean and Coastal Management*, 168, 158-166.
- Farzana Yashera Abdulla & Jabil Mapjabil. (2021a). Konsep liminaliti dalam pelancongan: Satu tinjauan literatur. *Proceedings of the 4th International Conference of Language, Education and Tourism - Embracing Changes and Challenges (ICLET2021)*. International Islamic University Malaysia, Gombak, Selangor. 28-30 Jun 2021.
- Farzana Yashera Abdulla & Jabil Mapjabil. (2021b). Review of theories and models of research on liminality in tourism. *Global Tourism Conference (GTC2021)*. Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu. 7-9 September 2021.
- Garcia, H.C., Saura, I.G., Garcia, R.C.P. & Gallarza, M.G. (2004). The "sun and beach" tourism destination image: An application to the case of Cuba from the Spanish tourist-origin market. *Tourism Review*, 59(1), 16-25.
- Grenier, C.M. (2020). Costa Rican beach towns as liminal spaces: Tourism, transgressions and the night-time economy. *International Journal of the Sociology of Leisure*, 1-18.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2002). *Garis Panduan dan Piawain Perancangan Kawasan Pantai*. Malaysia: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- Mallench, J. (2017). *The Camino de Santiago*. The Path to Understanding. Self-edition.
- Md. Kamrul Hasan, Shamsul Kamariah Abdullah, Tek Yew Lew & Md. Faridul Islam. (2020). Determining factors of tourists' loyalty to beach tourism destinations: a structural model. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, 32(1), 169-187.
- Preston-Whyte, R. (2004). The beach as a liminal space. Dlm. Lew, A.A., Hall, C.M. & Williams, A.M. (eds.). *A Companion to Tourism*. Oxford: Blackwell Publishing Ltd., 349-359.
- Teodorescu, B. & Calin, R.A. (2015). The base articulations of the liminality concept. *Review of European Studies*, 7(12), 97-102.
- Thomassen, B. (2009). The uses and meanings of liminality. *International Political Anthropology*, 2(1), 5-27.
- Thomassen, B. (2012). Revisiting liminality: The danger of empty spaces. Dlm. Andrews, H. & Roberts, L. (eds.) *Liminal Landscapes: Travel, Experience and Spaces In Between*. London: Routledge.
- Wang, N. (1999). Rethinking authenticity in tourism experience. *Annals of Tourism Research*, 26(2), 349-370.
- Wels, K., Van der Waal, K., Speigel, A. & Kamsteeg, F. (2011). Victor Turner and liminality: An introduction. *Anthropology Southern Africa*, 34, (1), 1-4.

- Wu, S., Li, Y., Wood, E.H., Senaux, B. & Dai, G. (2020). Liminality and festivals insights from the East. *Annals of Tourism Research*, 80, 1-13.
- Zhang, H. & Xu, H. (2019). A structural model of liminal experience in tourism. *Tourism Management*, 71, 84-98.
- Zadel, Z. (2016). Beaches in the function of primary resource of the beach tourism product. *Pomorski Zbornik*, 51, 117-130.